

Program Sentuhan Kasih Pendidikan Moral SPM set 2

2. Tindakan individu dalam gambar adalah untuk membentuk masyarakat yang sejahtera dan berperikemanusiaan.



- (a) Takrifkan perikemanusiaan. [2m]

.....

.....

.....

- (b) Setujukah anda dengan tindakan individu dalam gambar di atas ?
Nyatakan alasan anda. [2m]

.....

.....

.....

- (c) Perlakuan berperikemanusiaan seperti memelihara dan memulihara hutan merupakan tindakan yang patut dilakukan untuk membantu alam sekitar. Bincangkan. [4m]

i

.....

.....

.....

ii

.....

.....

.....

- (d) Tuliskan contoh aktiviti yang pernah anda sertai untuk membantu masyarakat. [2m]

i

.....

ii

2. Tindakan individu dalam gambar adalah untuk membentuk masyarakat yang sejahtera dan berperikemanusiaan. **U7 T4**



- (a) **Takrifkan** perikemanusiaan. [2m]

F	Perikemanusiaan ialah sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong menolong dan mengasihani .
F1	sifat yang wajar bagi manusia
F2	seperti bertimbang rasa / tolong menolong / mengasihani
Terima mana-mana 2F = 2m / 1F = 1m	

- (b) **Setujukah** anda dengan tindakan individu dalam gambar di atas ?
Nyatakan alasan anda. [2m]

F	Setuju.
H1	dapat membantu mangsa bencana alam / dapat membantu orang yang memerlukan
H2	Dapat melahirkan masyarakat penyayang / harmoni / sejahtera
H3	mereka mempunyai sikap empati / simpati kepada mangsa bencana alam
H4	barangan keperluan telah diberikan kepada mangsa bencana alam
H5	bantuan yang diberikan dapat mengurangkan beban mangsa bencana alam
H6	Mangsa bencana alam rasa disayangi
H7	Melahirkan sikap bergandeng bahu dalam masyarakat
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

- (c) Perlakuan berperikemanusiaan seperti memelihara dan memulihara hutan merupakan tindakan yang patut dilakukan untuk membantu alam sekitar. Bincangkan. [4m]

F1	melindungi flora dan fauna
H1	supaya flora dan fauna tidak pupus
F2	Mengekalkan keseimbangan ekosistem
H2	menjaga habitat flora dan fauna
H3	Mengelakkan kegiatan pembalakan haram / pemburuan haram
F3	Mengimbangi suhu
H4	Hutan menyerap karbon dioksida dan melepaskan oksigen / mengelakkan pemanasan global / mengelakkan kesan rumah hijau
F4	Hutan ialah kawasan tadahan hujan
H5	Mengekalkan imbalan air / kitaran air
Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	
Terima mana-mana 2F + 2H = 4m	

- (d) **Tuliskan contoh aktiviti** yang pernah anda sertai untuk membantu masyarakat. [2m]

F1	Aktiviti kesukarelawan / Aktiviti gotong royong / Program Bantuan Kemanusiaan
F2	Program kesihatan / Kempen Menderma Darah / Kempen Antidadah / Kempen menderma organ / pakaian lama / cermin mata
F3	Aktiviti Kelestarian Alam Sekitar / Program Kitar Semula / Program Menanam Pokok / Program Penempatan Haiwan Terbiar
Terima mana-mana jawapan yang munasabah. Jawapan calon mesti NAMA program	
Terima mana-mana 2F = 2m / 1F = 1m	

3. Maklumat berikut berkaitan kempen untuk melestarikan alam sekitar.

Kempen Earth Hour

Earth Hour ialah kempen yang digerakkan oleh World Wide Fund for Nature (WWF) bagi mencetuskan kesedaran tentang perlunya kita bertindak untuk menyelamatkan bumi. Aktiviti semasa kempen Earth Hour ialah tindakan menutup semua suis elektrik selama satu jam untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat dunia tentang kesan pemanasan global dan perubahan iklim kepada bumi.

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada <http://www.earthhour.org>

(a) Nyatakan aktiviti yang dapat membantu ke arah kelestarian alam sekitar. [2 markah]

i.

.....

ii

.....

(b) Bagaimanakah kempen Earth Hour dapat dilaksanakan di sekolah ? [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(c) Ramalkan kesan pengabaian penjimatan tenaga elektrik dalam kehidupan. [4 markah]

i

.....
.....

ii

.....
.....
.....

3. Maklumat berikut berkaitan kempen untuk melestarikan alam sekitar. **U7 T4 / T5**

Kempen Earth Hour

Earth Hour ialah kempen yang digerakkan oleh World Wide Fund for Nature (WWF) bagi mencetuskan kesedaran tentang perlunya kita bertindak untuk menyelamatkan bumi. Aktiviti semasa kempen Earth Hour ialah tindakan menutup semua suis elektrik selama satu jam untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat dunia tentang kesan pemanasan global dan perubahan iklim kepada bumi.

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada <http://www.earthhour.org>

(a)	Nyatakan aktiviti yang dapat membantu ke arah kelestarian alam sekitar. [2 markah]
F1	Gotong-royong
F2	Amalan 3R / 5R
F3	Pembangunan terancang
F4	Penghutan semula
	Terima mana-mana jawapan yang munasabah 2F = 2m

(b)	Bagaimanakah kempen Earth Hour dapat dilaksanakan di sekolah? [4 markah]
F1	Menganjurkan pertandingan
H1	Pertandingan kuiz spontan / melukis poster / mewarna.
F2	Mengadakan ceramah
H2	Ceramah kesedaran tentang konsep dan kebaikan Earth Hour
F3	Membuat pameran
H3	Pameran gambar atau brosur mengenai Earth Hour
F4	Mengadakan tayangan video
H4	Tayangan video tentang penjimatan elektrik
	Terima mana-mana jawapan yang munasabah 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m

(c)	Ramalkan kesan pengabaian penjimatan tenaga elektrik dalam kehidupan. [4 markah]
F1	Peningkatan suhu bumi
H1	Meningkatkan kadar pemanasan global
F2	Berlaku pencemaran alam sekitar
H2	Menjejaskan tahap keseimbangan alam sekitar
F3	Mengurangkan sumber tenaga
H3	Sumber seperti minyak / gas / arang batu berkurangan
F4	Peningkatan kos utiliti / bil elektrik
H4	Pembaziran wang
	Terima mana-mana jawapan yang munasabah 2F + 2H = 4m

6. Gambar berikut berkaitan dengan buli siber. **U4 T4 T5**



Sumber : <https://www.googleimage.com/>

Buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (sms), *chatting*, e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet.

(a) **Apakah kesan** yang akan dialami oleh mangsa buli siber. [2m]

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
H1	Tekanan mental / ketakutan / kemurungan
H2	Cenderung melakukan perbuatan melukakan / mencederakan diri / bunuh diri
H3	Menjatuhkan imej
H4	Mewujudkan unsur kebencian
H5	Hilang keyakinan diri
H6	Prestasi pelajaran terjejas
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 2H = 2m

(b) Sekiranya anda adalah mangsa buli siber, **bagaimanakah** anda dapat mencegah masalah tersebut daripada berulang. [8m]

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Minta bantuan dan nasihat daripada orang dewasa / orang yang boleh dipercayai
H	Mendapat panduan cara atasi masalah
H	Tidak menghadapi masalah secara keseorangan
H	Mengurangkan tekanan dibuli
F	Tidak melawan pembuli
H	Abaikan / tidak menjawab mesej pembuli
H	Padam / nyah aktifkan akaun di media sosial / tinggalkan bilik sembang
H	Keinginan pembuli untuk membuli akan berkurang jika tidak mendapat respon
F	Melaporkan kepada pihak berkuasa
H	Hubungi MCMC di aduanskmm.gov.my untuk melaporkan kes buli siber
H	Supaya pembuli dapat dikenakan tindakan tegas
H	Tidak mengulangi kesalahan
H	Pastikan pengguna lain tidak dibuli
H	Hukuman yang diberi dapat menjadi pengajaran kepada pembuli/ sebagai amaran kepada pembuli yang lain
F	Menyimpan bukti buli siber
H	Buat tangkap layar [screenshot] mesej gangguan yang diterima
F	Laporkan kepada pentadbir laman
H	Akaun pembuli akan disekat
	Mana-mana jawapan munasabah / / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

U6 T4

8. Catatan berikut merupakan catatan diari peribadi seorang murid mengenai penghargaannya kepada keluarga.

21 Ogos 2021.

Hari ini merupakan hari yang sangat bermakna bagiku kerana berjaya menggenggam segulung ijazah. Walaupun penuh halangan, namun aku berjaya mengatasinya dengan baik. Aku bersyukur dan berbangga kerana mempunyai keluarga yang sangat memahami dan mengambil berat tentangku. Disaat aku menghadapi masalah, mereka sering memberi bantuan dan sokongan terhadapku. Ayah dan ibu juga sentiasa memastikan semua keperluanku dan adik-adik sentiasa mencukupi.

a. Catatan di atas memaparkan integriti sesebuah keluarga. Nyatakan ciri-ciri integriti keluarga. [4m]

Bil	Jawapan	
F1	Saling menghormati	F4 Amanah
F2	Pegangan agama kuat	F5 Peyayang
F3	Bertanggungjawab	F6 Hubungan erat
Terima mana-mana 4F = 4m		

b. Berdasarkan catatan diari di atas, huraikan **cara keluarga** murid **memupuk integriti keluarga** sehingga dia berjaya. Jawapan hendaklah berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari. [8m].

Watak : ahli keluarga / anak / bapa / ibu / mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
N	Nilai rasional / Nilai kasih sayang / Nilai toleransi / Nilai berterima kasih / Nilai bertanggungjawab / Nilai hormat / Nilai harga diri
F	Ahli keluarga memberikan penghargaan kepada setiap anggota keluarga
H	Contohnya, mengadakan jamuan makan / hadiah ketika hari istimewa mereka
F	Memberikan layanan yang adil kepada anggota keluarga
H	Bersabar dengan karenah anggota keluarga
H	Tidak pilih kasih terhadap setiap anggota keluarga
F	Memberi layanan baik kepada anggota keluarga
H	Mendengar pendapat anggota keluarga
H	Prihatin terhadap keperluan / perasaan setiap anggota keluarga
H	Mengambil berat keadaan keluarga
F	Mempunyai kemahiran ibu bapa yang baik
H	Ibu bapa menjadi suri teladan / contoh yang baik
H	Contohnya, ibu bapa menepati masa semasa menghadiri majlis / ibu bapa melakukan kewajipan agama dalam keluarga
H	Ibu bapa memuji anak-anak apabila mereka berkelakuan baik
H	Meluangkan masa berkualiti dengan ahli keluarga
H	Bersedia memberi bantuan / sokongan moral kepada ahli keluarga yang menghadapi kesusahan
H	Menjalankan peranan sebagai anggota keluarga dengan baik
H	Setiap anggota keluarga perlu mempunyai sikap integriti sebagai jati diri demi kebahagiaan keluarga
Mana-mana jawapan yang munasabah Terima mana-mana 2 fakta, huraian dan contoh yang munasabah Betul 2 nilai untuk mendapat 1m sahaja	

- **integriti keluarga (家庭诚信) ialah cara-cara mewujudkan keluarga bahagia / menjayakan sebuah keluarga 帮助家庭成员成就/让家庭成员感到幸福美满的家庭.**



- c. **Selain faktor keluarga**, bincangkan **faktor lain** yang mendorong kejayaan seorang murid. [8m] 除了家庭因素, 请讨论一位学生成功的其他因素.

Watak : mana-mana watak yang sesuai.

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Faktor yang mendorong kejayaan seorang murid ialah pengaruh rakan sebaya
H	Kaedah pembelajaran secara berkumpulan dapat membantu rakan yang lemah
H	Meningkatkan keyakinan dan semangat pelajar untuk berjaya
H	Persaingan yang sihat antara rakan
F	Persekitaran ialah faktor yang mendorong kejayaan seorang murid
H	Kelas tambahan dan tuisyen untuk memantapkan pengetahuan mereka dalam sesuatu topik
H	Contohnya , kelas tuisyen sejarah / matematik tambahan boleh membantu pelajar yang lemah untuk lebih mahir dalam subjek tersebut
H	Mempunyai suasana yang kondusif untuk pembelajaran
	Faktor yang mendorong kejayaan seorang murid ialah faktor diri sendiri
H	Berusaha bersungguh-sungguh tanpa putus asa / rajin mengulangkaji pelajaran
H	Menumpukan sepenuh perhatian di dalam kelas
H	Pembahagian masa yang efektif / tidak melakukan perkara yang tidak berfaedah
H	Mempunyai keinginan untuk berjaya
F	Faktor sekolah / faktor guru ialah faktor yang mendorong kejayaan seorang murid
H	Pembentukan modal insan yang diterapkan oleh pihak sekolah
H	Guru-guru yang berpengalaman dalam bidang masing-masing mendidik pelajar dengan kemahiran mereka
H	Program kecemerlangan akademik / bengkel teknik menjawab soalan / kem motivasi
H	Bekalan buku rujukan yang mencukupi di perpustakaan
H	Aktiviti kokurikulum yang membantu murid mempelajari kemahiran kepimpinan
F	Faktor yang mendorong kejayaan seorang murid ialah dasar kerajaan / peranan kerajaan
H	Contohnya , kerajaan telah menyediakan rangkaian televisyen pendidikan untuk pelbagai mata pelajaran sekolah iaitu DidikTV
H	Bengkel atau webinar pendidikan dikendalikan oleh individu yang berpengalaman dalam bidang masing-masing
H	Semua pihak perlu berganding bahu membentuk kemenjadian pelajar supaya melahirkan generasi muda yang berkebolehan dalam pelbagai bidang.
Mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 2 fakta, huraian dan contoh yang munasabah	

U6 T4 / U7 T4

8. Soalan 8 berkaitan dengan maklumat 1 dan maklumat 2.

MAKLUMAT 1		MAKLUMAT 2
<p>Peratus Jumlah Penderaan Kanak-kanak Malaysia Mengikut Umur Dari Tahun 2014-2018</p> <p>Atas 7 tahun : 29.40% Kurang dari 1 tahun : 23.16%</p>	<p style="text-align: center;">● Lelaki ● Perempuan</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">   </div> <p style="display: flex; justify-content: space-around;"> Lelaki 1114 Perempuan 777 </p>	<p style="text-align: center;">“Tiada dera, hidup bahagia, keluarga harmoni”</p>

a. Jelaskan **perasaan** anda setelah melihat statistik pada Maklumat 1. [4m]

Bil	Jawapan
F1	Sedih / marah / kecewa
H1	Kerana kanak-kanak didera
H2	Kanak-kanak tidak dilindungi
H3	Kanak-kanak ialah anugerah Tuhan
H4	Kanak-kanak tidak mampu lawan balik / tidak tahu lapor polis
H5	Ibu bapa terlalu kejam
	Terima mana-mana 1F + 3H = 4m

b. **Bincangkan tindakan** yang patut dilakukan oleh **pelbagai pihak** dalam mencegah penderaan kanak-kanak 虐待儿童. [8m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
Terima watak : mana-mana watak yang sesuai	
	Kerajaan
F	Mengetatkan undang-undang / menguatkuasakan undang-undang
H	Seperti Akta Kanak-kanak
H	Menjatuhkan hukuman berat kepada pelaku penderaan @ pendera
H	Dikenakan hukuman penjara dalam masa yang panjang.
H	Sebagai pengajaran kepada orang ramai
H	Supaya mereka tidak mengulang kesalahan yang sama
F	mengadakan banyak kempen melindungi kanak-kanak
H	Menggunakan media sosial untuk mempromosikan kempen yang dijalankan.
H	Menimbulkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kanak-kanak dengan baik
H	Mengadakan sambutan hari kanak-kanak di sekolah
F	Memberi pendidikan tentang penderaan kanak-kanak
H	Melalui pesanan khidmat masyarakat di ruangan iklan siaran televisyen / animasi kanak-kanak
H	Mendidik kanak-kanak tentang apa itu penderaan dan cara membuat aduan
H	Memasukkan topik penderaan ke dalam mata pelajaran di sekolah
H	Contoh subjek Pendidikan Moral / Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
F	Mewujudkan talian untuk aduan kes penderaan
H	Contohnya, talian kasih / talian SELAMAT
H	Memudahkan kes penderaan dilapor
	Ibu bapa
F	Memainkan peranan menjaga keselamatan anak
H	Memastikan anak membesar dalam keadaan yang baik
H	Bertolak ansur dan sabar dengan kerenah anak
H	Tidak menggunakan kekerasan untuk mendisiplinkan anak
F	Mempunyai gaya keibubapaan yang betul dalam mendidik anak

H	Mengikuti kursus pra perkahwinan / kursus keibubapaan
H	Ibu bapa mengamalkan sikap yang positif
H	Sentiasa berunding dalam menyelesaikan masalah
	Masyarakat
F	Anggota masyarakat akan saling berinteraksi dan mengambil berat antara satu sama lain.
H	Bertindak wajar dalam menjaga dan mengasihi kanak-kanak
H	Setiap anggota masyarakat mempunyai kewajiban dan peranan untuk menjaga kebajikan dan hak kanak-kanak sebaik mungkin
F	Berusaha bersama-sama dengan pihak berkuasa bagi mengatasi kes penderaan kanak-kanak
H	mewujudkan keselamatan masyarakat
H	Segera melaporkan kejadian penderaan kanak-kanak yang berlaku
H	Kes penderaan kanak-kanak dapat dikurangkan
H	Kanak-kanak dapat diselamatkan
	Terima mana-mana jawapan yang munasabah
	Terima mana-mana fakta, huraian, contoh yang munasabah

- c. Berdasarkan maklumat 2, **huraikan cabaran** 挑战 membentuk keluarga harmoni. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari **selain nilai rasional dan bertanggungjawab**. [8m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
	Terima watak : mana-mana watak yang sesuai
N	Kasih sayang / hormat / toleransi / kerjasama / harga diri
F	Kurang penghayatan didikan agama @ penerapan nilai agama
H	Tidak bersedia menerima perubahan yang dibawa ibu bapa mengikut ajaran agama / ibu bapa tidak mengamalkan ajaran agama dalam keluarga
F	Kemewahan dan kebendaan / materialistik
H	Ibu bapa sibuk dengan mencari kekayaan
H	Ibu bapa tidak meluangkan masa untuk keluarga
H	Kurang prihatin terhadap anak
H	Anak berasa kurang disayangi akan melakukan pemberontakan
F	Perkembangan teknologi maklumat
H	Terpengaruh dengan budaya negatif / Kemudahan Pendidikan dan era globalisasi telah mempercepatkan penerimaan budaya dan nilai luar kepada anak-anak
H	Terlibat dengan masalah sosial
H	Leka dengan gajet elektronik
H	Kurang interaksi antara ahli keluarga
H	Menjejaskan hubungan keluarga
F	Pasangan kurang pengetahuan dan cara menguruskan rumah tangga
H	Tidak dapat melaksanakan tugas sebagai suami / isteri / bapa / ibu dengan baik
H	Tidak tahu cara mendidik anak / berkomunikasi dengan pasangan
H	Berlaku pergaduhan antara ahli keluarga
F	Kesempitan sosioekonomi
H	Peningkatan kos sara hidup menyebabkan keluarga menghadapi masalah kewangan
H	Tidak dapat sediakan keperluan asas kepada ahli keluarga
H	Menghadapi tekanan perasaan
H	Melepaskan tekanan ke atas anak
H	Seperti memukul anak / berlaku pengabaian terhadap anak
	Terima mana-mana jawapan yang munasabah
	Terima mana –mana 2 nilai, 2 fakta, huraian, contoh yang munasabah
	Betul 2 nilai untuk mendapat 1m sahaja